

# ASAL

BERTARIKH PADA 04 JUN 2016

ANTARA

**PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**  
(“PEMBERI”)

DAN

**MUhibbah Engineering (M) Bhd.**  
(No. Syarikat: 12737-K)  
(“PENERIMA”)

XX

**SURAT KUASA WAKIL**  
-KUANTAN MARITIME HUB-

XX


*Disediakan oleh:*

**TETUAN FATIN & ZAHARMAN**  
*Peguambela & Peguamcara*

A-5, Tingkat 2,  
Lorong Tun Ismail 9,  
25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur.  
Tel: 09-5164862 & 09-5164863  
Faks: 09-5164864  
E-mel: fz\_ktn@yahoo.com

### SURAT KUASA WAKIL

SURAT KUASA WAKIL ini diberi pada 04 JUN 2016 oleh **PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**, suatu pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah Enakmen Setiausaha Kerajaan Pahang (Pemerbadanan) 1959 beralamat di **Tingkat 4, Blok B, Wisma Sri Pahang, 25503 Kuantan, Pahang Darul Makmur** (kemudian daripada ini disebut "Pemberi") kepada **MUHIBBAH ENGINEERING (M) BHD.** (No. Syarikat: 12737-K) suatu syarikat yang ditubuhkan di Malaysia beralamat di **Lot 586 & 579, 2<sup>nd</sup> Mile, Jalan Batu Tiga Lama, 41300 Klang, Selangor Darul Ehsan** (kemudian daripada ini disebut "Penerima").



#### **BAHAWASANYA:**

- A. Pemberi adalah tuan punya berdaftar hak milik-hak milik sementara yang didaftarkan sebagai **HSD 47544 PT 22734, HSD 47543 PT 22733 dan HSD 47542 PT 22732, kesemuanya di dalam Mukim Sungai Karang, Daerah Kuantan, Negeri Pahang Darul Makmur** yang setiap satunya berkeluasan **120 Ekar, 200 Ekar dan 180 Ekar** dan menjadikan luas keseluruhannya adalah **500 Ekar (202.3428 hektar)** (kemudian daripada ini disebut "**Tapak Projek tersebut**"). Salinan hak milik-hak milik sementara Tapak Projek tersebut dilampirkan sebagai **Lampiran A**.
- B. Melalui suatu Perjanjian yang dibuat pada 04 JUN 2016 antara Pemberi dan Penerima (kemudian daripada ini disebut "**Perjanjian tersebut**"), Pemberi telah bersetuju untuk memperuntukkan dan Penerima bersetuju untuk menerima peruntukkan Tapak Projek tersebut bebas daripada apa-apa bebanan dengan milikan kosong tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di dalam Perjanjian tersebut.
- C. Atas permohonan Penerima, Pemberi dengan ini bersetuju untuk melantik Penerima sebagai Wakil Kuasa Pemberi berkaitan dengan Tapak Projek tersebut yang akan bertindak dan melakukan perkara-perkara sebagaimana yang dinyatakan di dalam Surat Kuasa Wakil ini.

**MAKA SURAT KUASA WAKIL INI MENYAKSIKAN** seperti berikut:

1. Pemberi dengan ini menamakan, mengangkat dan melantik Penerima untuk menjadi Wakil Kuasa Pemberi yang sebenar dan sah di sisi undang-undang dan bagi mengambil tindakan berkaitan dengan Tapak Projek tersebut atas nama dan bagi pihak Pemberi bukan bagi apa jua tujuan lain selain daripada semata-mata dan hanya bagi tujuan yang dinyatakan di bawah ini iaitu untuk:
  - (a) bertindak bagi pihak Pemberi untuk membuat dan menyerahkan apa-apa permohonan kepada mana-mana pihak berkuasa berkenaan bagi mendapatkan kelulusan Pelan Merancang, Pelan Susunatur, Pelan Bangunan dan lain-lain pelan yang berkaitan dengan pembangunan Projek tersebut di samping bertanggung jawab untuk berurusan, berhubung dan membuat rayuan dengan pihak berkuasa berkenaan berkaitan dengan Tapak Projek tersebut dan pembangunan dan pembinaan lot bangunan di atas Tapak Projek termasuklah menandatangani semua dokumen dan pelan yang berkaitan dengan pembangunan dan penyiapan lot bangunan di atas Tapak Projek bagi pihak Pemberi bagi membolehkan ia diluluskan oleh pihak berkuasa berkenaan;
  - (b) memohon, menyerahkan dan menerima daripada pihak berkuasa berkenaan kelulusan pecah sempadan dan syarat kegunaan tanah, permohonan pengeluaran hak milik individu yang berasingan dan lain-lain permohonan yang berkenaan dan berkaitan dengan pembangunan dan penyiapan lot bangunan di atas Tapak Projek tersebut;
  - (c) membayar dan menjelaskan segala bayaran dan kos yang berkenaan dan bersangkutan dengan apa-apa permohonan dengan pihak berkuasa berkenaan yang berkaitan dengan urusan pemberian milik dan pindah milik Tapak Projek tersebut, pembangunan, penyiapan di samping bertanggung jawab untuk menanggung dan membayar segala cukai tanah, cukai taksiran dan lain-lain cukai yang bersangkutan dengan Tapak Projek tersebut selepas tarikh Perjanjian tersebut ditandatangani;

- (d) memulakan, membina dan menyiapkan dengan sempurna Projek tersebut mengikut pelan yang diluluskan oleh pihak berkuasa berkenaan;
- (e) melantik sesiapa jua dan mana-mana pihak dari semasa ke semasa, termasuklah melantik mana-mana syarikat kontraktor, sub-kontraktor, perbadanan, profesional, pembekal, juru ukur bahan, jurutera perunding, jurutera sivil, arkitek, juru ukur tanah, peguamcara, akauntan, ejen jualan dan lain-lain pihak yang dirasakan perlu oleh Penerima untuk pembinaan dan pemajuan Tapak Projek tersebut di samping menanggung dan menjelaskan segala bayaran, kos, yuran, fi dan sebagainya yang berkaitan dengan pelantikan tersebut;
- (f) bertanggung jawab menjalankan kerja-kerja Tapak Projek tersebut termasuklah kerja-kerja menerang, menambun, meratakan dan mengorek (jika perlu) dan lain-lain kerja yang berkaitan dan bersangkutan dengan Tapak Projek tersebut bagi membolehkan pembinaan tersebut dapat dijalankan dan Projek tersebut dapat disiapkan dengan sempurna;
- (g) menandatangani apa jua surat, aku janji dan/atau borang permohonan bagi tujuan mendapatkan kebenaran dan/atau kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan Malaysia, jabatan-jabatan, pertubuhan-pertubuhan, badan-badan berkanun dan pihak berkuasa yang berkenaan bagi maksud yang berkaitan dengan urusan pembangunan Tapak Projek tersebut;
- (h) mengambil atau memulakan apa jua tindakan, tuntutan, pembelaan dan prosiding perundangan dengan mana-mana pihak yang berkaitan dengan tanah Tapak Projek tersebut dan Perjanjian tersebut termasuklah mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang berkaitan dan menanggung rugi Pemberi sepenuhnya terhadap apa jua tuntutan, liabiliti, sabitan dan tindakan perundangan secara langsung yang diambil atau dikenakan oleh mana-mana pihak terhadap Pemberi yang berkaitan dan bersangkutan dengan Tapak Projek tersebut, Perjanjian tersebut dalam tempoh Perjanjian tersebut berkuat kuasa; dan


- (i) membenarkan Penerima untuk berhubung terus dengan Kerajaan Persekutuan tentang perkara-perkara yang berhubungkait dengan Projek tersebut.

Kami dengan ini bersetuju untuk mengesahkan dan meratifikasikan apa-apa jua yang dilakukan oleh Wakil Kuasa kami secara sah di sisi undang-undang menurut Surat Kuasa Wakil ini.

Kami dengan ini bersetuju untuk menetapkan dan mengisytiharkan Surat Kuasa Wakil ini adalah diberikan untuk balasan yang berharga dan hendaklah tidak boleh dimansuhkan ("*irrevocable*") sehinggalah keseluruhan transaksi dan segala terma dan syarat yang terkandung dalam Perjanjian tersebut telah disempurnakan sepenuhnya kecuali jika Penerima memungkirkan terma dan syarat Perjanjian tersebut atau gagal mematuhi atau melaksanakan obligasinya, akaunjanya dan stipulasi di bawah Perjanjian tersebut.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS Pemberi telah menurunkan tandatangan dan meterainya pada hari dan tahun mula-mula tertulis di atas.

Penyempurnaan surat cara ini oleh )  
**PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN** )  
**PAHANG** dilaksanakan menurut cara yang )  
dikuatkuasakan oleh undang-undangnya )  
di bawah Cop Mohor Rasminya dan )  
Cop Mohor itu diturunkan di hadapan: )



DATO' SRI MUHAMMAD SAFIAN BIN ISMAIL  
SSAP, SIMP, DSAP, DIMP, PJN, AAP, AMP.  
Setiausaha  
Kerajaan Negeri Pahang.

.....

**PENYAKSIAN**

Saya,..... MUHAMAD AZIZAN BIN GHAZALI..... seorang Peguambela dan Peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya yang menjalankan amalan di Kuantan, Pahang Darul Makmur dengan ini mengaku dan mengesahkan bahawa pada 04 JUN 2016 Cop Mohor Rasmi yang benar bagi PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG yang telah diperturunkan pada Surat Kuasa Wakil di atas di hadapan saya mengikut yang dipersetujui.

Disaksikan oleh,

.....  
MUHAMAD AZIZAN BIN GHAZALI  
840942-08-6663  
(BC/W/1883)  
Peguambela & Peguamcara  
Kuantan

**LAMPIRAN A**

[Salinan Hak Milik-Hak Milik Sementara Tapak Projek Tersebut]



DHKK

Kanun Tanah Negara  
Borang 11AK  
(Jadual Keempat Belas)

**HAKMILIK SEMENTARA**

BERSAMAAN DENGAN HAKMILIK PEJABAT PENDAFTARAN


No.	H.S.(D) :	47542	Cukai Tahunan :	RM18,211.00
-----	-----------	-------	-----------------	-------------




Negeri : PAHANG  
 Daerah : KUANTAN  
 Bandar/Pekan/Mukim : MUKIM SUNGAI KARANG  
 No. PT : PT 22732  
 Luas Sementara : 728440 Meter Persegi (180 Acres)  
 Kategori Penggunaan Tanah : Bangunan  
 No. Lembaran Piawai : 150 B & 150 D  
 No. Permohonan Ukur : 160/2016  
 No. Fail : P.T.K.3/3/26851

Pajakan selama tempoh 99 tahun berakhir pada 2 Jun 2115.

Didaftarkan pada 3 Jun 2016



Dokumen hakmilik keluaran dikeluarkan pada 3 Jun 2016



Pelan lakar/pelan tanah, bagi maksud pengenalan, adalah dikepilkkan pada Borang B2.

**SYARAT-SYARAT KHAS MENGENAI HAKMILIK SEMENTARA**

- Hakmilik ini adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara dan kepada syarat-syarat nyata dan sekatan-sekatan berikut :

**SYARAT-SYARAT NYATA**

Tiada.

**SEKATAN-SEKATAN KEPENTINGAN**

Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak, digadai melainkan setelah mendapat kebenaran bertulis daripada



Hakmilik : 060406HSD00047542  
 Tarikh : 03/06/2016  
 No. Versi : 1  
 No. Salinan :  
 Muka Surat : 1 / 2

DHKK

Pihak Berkuasa Negeri

Dalam pelan tanah yang dikepulkan pada Borang B2 sempadan yang ditunjukkan dengan warna merah, belum ditetapkan secara ukur, adalah sementara sahaja

Hendaklah dipenuhikan apabila hakmilik dikeluarkan bagi sambungan

Tarikh mula-mula diberi milik  
No. hakmilik asal (Tetap atau sementara) :  
No. hakmilik yang terakhir sekali :  
(jika berlainan daripada di atas)

REKOD KETUANPUNYAAN

PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG, 1/1 bhgn  
BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERIPAHANG, TINGKAT 4, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN, 25529 PAHANG

REKOD-URUSAN

PERKARA LAIN YANG MELIBATKAN HAKMILIK



Pendaftar


Hakmilik : 060406HSD00047542  
Tarikh : 03/06/2016  
No. Versi : 1  
No. Salinan :  
Muka Surat : 2 [ 2 ]

**PELAN TANAH**  
(Hakmilik Sementara)

Saya mengesahkan bahawa \*pelan/pelan lakar yang dikepikan di bawah ini adalah salinan benar \*pelan/pelan lakar tanah. Butiran hakmilik adalah seperti berikut :

*H.S.(D)/H.S.(M) No.	:	HSD 47542
Negeri	:	PAHANG
Daerah	:	KUANTAN
*Bandar/Pekan/Mukim	:	MUKIM SUNGAI KARANG
No. Lembaran	:	150 B & 150 D
No. Lot	:	PT 22732
Luas Sementara	:	728440 Meter Persegi

2. Dalam pelan yang di bawah ini, sempadan yang ditunjukkan dengan warna merah, belum ditetapkan secara ukur, adalah sementara sahaja.



**03 JUN 2018**

Bertarikh pada ..... haribulan .....



Pendaftar

DEKK

Kanun Tanah Negara  
Borang 11AK  
(Jadual Keempat Belas)

### HAKMILIK SEMENTARA


BERSAMAAN DENGAN HAKMILIK PEJABAT PENDAFTARAN

No.	H.S.(D) : 47544	Cukai Tahunan : RM12,141.00
-----	-----------------	-----------------------------


Negeri : PAHANG  
 Daerah : KUANTAN  
 Bandar/Pekan/Mukim : MUKIM SUNGAI KARANG  
 No. PT : PT 22734  
 Luas Sementara : 485620 Meter Persegi (120 Acres)  
 Kategori Penggunaan Tanah : Bangunan  
 No. Lembaran Piawai : 150 B & 150 D  
 No. Permohonan Ukur : 162/2016  
 No. Fail : P.T.K.3/3/26853

Pajakan selama tempoh 99 tahun berakhir pada 2 Jun 2115.

Didaftarkan pada 3 Jun 2016

  
 Pendaftar

Dokumen hakmilik keluaran dikeluarkan pada 3 Jun 2016

  
 Pendaftar

Pelan lakar/pelan tanah, bagi maksud pengenalan, adalah dikepilkkan pada Borang B2.

### SYARAT-SYARAT KHAS MENGENAI HAKMILIK SEMENTARA

1. Hakmilik ini adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara dan kepada syarat-syarat nyata dan sekatan-sekatan berikut :

#### SYARAT-SYARAT NYATA

Tiada.

#### SEKATAN-SEKATAN KEPENTINGAN

Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak, digadai melainkan setelah mendapat kebenaran bertulis daripada



Hakmilik : 060406HSD00047544  
 Tarikh : 03/06/2016  
 No. Versi : 1  
 No. Salinan :  
 Muka Surat : [2]

DHKK

Pihak Berkuasa Negeri:

2. Dalam pelan tanah yang dikepikan pada Borang B2, sempadan yang ditunjukkan dengan warna merah, belum ditetapkan secara ukur, adalah sementara sahaja.

Hendaklah dipenuhi apabila hakmilik dikeluarkan bagi sambungan.

Tarikh mula-mula diberi milik  
No. hakmilik asal (Tetap atau sementara)  
No. hakmilik yang terakhir sekali  
(jika berlainan daripada di atas)




REKOD KETUANPUNYAAN

PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG, 174 bhgn.  
BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI PAHANG, TINGKAT 6, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN, 25529 PAHANG

REKOD URUSAN

PERKARA LAIN YANG MELIBATKAN HAKMILIK




Hakmilik : 060406HSD00047544  
Tarikh : 03/06/2016  
No. Versi : 1  
Nor Salinan :  
Muka Surat : 2 [ 2 ]

**PELAN TANAH**  
(Hakmilik Sementara)


Saya mengesahkan bahawa \*pelan/pelan lakar yang dikepikan di bawah ini adalah salinan benar \*pelan/pelan lakar tanah. Butiran hakmilik adalah seperti berikut :


*H.S.(D)/H.S.(M) No.	:	HSD 47544
Negeri	:	PAHANG
Daerah	:	KUANTAN
*Bandar/Pekan/Mukim	:	MUKIM SUNGAI KARANG
No. Lembaran	:	150 B & 150 D
No. Lot	:	PT 22734
Luas Sementara	:	485620 Meter Persegi

2. Dalam pelan yang di bawah ini, sempadan yang ditunjukkan dengan warna merah, belum ditetapkan secara ukur, adalah sementara sahaja.





NEGERI : PAHANG  
DAERAH : KUANTAN  
MUKIM : SUNGAI KARANG  
PETA KADASTER : 150 B & 150 D  
SKALA MENDATAR 1 : 3300  
NO. PU : 162/2016  
NO. PT : 22734





DISEDIAKAN SEBAGAIMANA PELAN KELULUSAN  
BIL. ( 04 ) DLM.PTK.3/3/26853


  
MUHAMMAD FAUZI BIN MANSIN  
PENOLONG PEGAWAI TANAH  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUANTAN



03 Jun 2010

Bertarikh pada ..... haribulan .....



  
Pendaftar

DHKK

Kanun Tanah Negara  
Borang 11AK  
(Jadual Keempat Belas)

# HAKMILIK SEMENTARA BERSAMAAN DENGAN HAKMILIK PEJABAT PENDAFTARAN

No.	H.S.(D) : 47543	Cukai Tahunan : RM20,235.00
-----	-----------------	-----------------------------

Negeri : PAHANG  
 Daerah : KUANTAN  
 Bandar/Pekan/Mukim : MUKIM SUNGAI KARANG  
 No. PT : PT 22733  
 Luas Sementara : 809370 Meter Persegi (200 Acres)  
 Kategori Penggunaan Tanah : Bangunan  
 No. Lembaran Piawai : 150 B & 150 D  
 No. Permohonan Ukur : 161/2016  
 No. Fail : P.T.K.3/3/26852

Pajakan selama tempoh 99 tahun berakhir pada 2 Jun 2115.

Didaftarkan pada 3 Jun 2016



Pendaftar

Dokumen hakmilik keluaran dikeluarkan pada 3 Jun 2016



Pendaftar

Pelan lakar/pelan tanah, bagi maksud pengenalan, adalah dikepulkan pada Borang B2.

## SYARAT-SYARAT KHAS MENGENAI HAKMILIK SEMENTARA

1. Hakmilik ini adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara dan kepada syarat-syarat nyata dan sekatan-sekatan berikut :

### SYARAT-SYARAT NYATA

Tiada.

### SEKATAN-SEKATAN KEPENTINGAN

Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak, digadai melainkan setelah mendapat kebenaran bertulis daripada



Hakmilik : 060406HSD00047543  
 Tarikh : 03/06/2016  
 No. Versi : 1  
 No. Salinan :  
 Muka Surat : [ 2 ]

DHKK

Pihak Berkuasa Negeri

2. Dalam pelan tanah yang dikepikan pada Borang B2 sempadan yang ditunjukkan dengan warna merah, belum ditetapkan secara ukur adalah sementara sahaja.

Hendaklah dipenihikan apabila hakmilik diketuarkan bagi sambungan.


Tarikh mula-mula diberi milik  
No. hakmilik asal (Tetap atau sementara) :  
No. hakmilik yang terakhir sekali :  
(jika bertlainan daripada di atas)

REKOD KETUANPUNYAAN

PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG, 1/1 bhgn.  
BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI PAHANG, TINGKAT 7, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN, 25529 PAHANG

REKOD-URUSAN

PERKARA LAIN YANG MELIBATKAN HAKMILIK



Hakmilik : 060406HSD00047543  
Tarikh : 03/06/2016  
No. Versi : 1  
No. Salinan  
Muka Surat : 2 [ 2 ]



**PELAN TANAH**  
(Hakmilik Sementara)

Saya mengesahkan bahawa \*pelan/pelan lakar yang dikepilkkan di bawah ini adalah salinan benar \*pelan/pelan lakar tanah. Butiran hakmilik adalah seperti berikut :

*H.S.(D)/H.S.(M) No.	:	HSD 47543
Negeri	:	PAHANG
Daerah	:	KUANTAN
*Bandar/Pekan/Mukim	:	MUKIM SUNGAI KARANG
No. Lembaran	:	150 B & 150 D
No. Lot	:	PT 22733
Luas Sementara	:	809370 Meter Persegi

2. Dalam pelan yang di bawah ini, sempadan yang ditunjukkan dengan warna merah, belum ditetapkan secara ukur, adalah sementara sahaja.

NEGERI : PAHANG  
DAERAH : KUANTAN  
MUKIM : SUNGAI KARANG  
PETA KADASTER : 150 B & 150 D  
SKALA MENDATAR 1 : 3300  
NO. PU : 161/2016  
NO. PT : 22733

80.937 HA. (200.0 EK.)

DISEDIAKAN SEBAGAIMANA PELAN KELULUSAN  
BIL. ( 04 ) DLM.PTK.3/3/26852

MUHAMMAD FAUZI BIN MANSIN  
PENOLONG PEGAWAI TANAH  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUANTAN

03 JUN 2010

Bertarikh pada ..... haribulan .....

Pendaftar